

21/04/2002

Salam sayang Anita Sarawak

KETIKA kepala pening-pening lalat dek penangan jalan menuju Cameron Highlands yang bagaikan ular kena palu, tiba-tiba telefon bimbit teman berbunyi. Hilang seketika pening dan rasa loya teman apabila yang memanggil itu rupa-rupanya superstar Anita Sarawak.

Suara cerianya dari Kota Singa terus mengingatkan teman aksi hebatnya dalam konsert di Stadium Putra Bukit Jalil minggu lalu. Lalu terungkaplah ucapan tahniah dari mulut teman bagaimana diva itu masih lagi mampu menggegarkan stadium. Ternyata, bukan calang-calang penyanyi yang mampu berbuat demikian, walaupun usianya sudah mencecah 50 tahun.

Percayalah, show Anita memang hebat. Bayangkan, dua setengah jam menyanyi, menari dan menghibur tanpa henti di pentas. Show orang Bollywood di Anugerah Akademi Filem India Antarabangsa (IIFA) yang berlangsung di Arena Of Stars, Genting Highlands, sehari sebelumnya macam mana?

Teman tak boleh komen banyak kerana teman tidak langsung menyaksikannya, baik secara langsung atau melalui siaran TV3. Tetapi ada juga yang berkata tidak ada apa yang boleh dibanggakan terutama jika menontonnya melalui TV3 selepas melalui banyak suntingannya.

Khabar Kak Nita kita lagi, jadualnya kini agak ketat walaupun sudah 'bersara' daripada menjadi penghibur di Caesar's Club, Las Vegas. Bayangkan, sebaik saja beraksi ligat di Kuala Lumpur, esoknya dia terpaksa ke Indonesia pula kerana memenuhi undangan Kris Dayanti.

"Memang Kak Nita penat ni. Masih tercungap-cungap kerana penat sangat. Penat di Malaysia belum habis sudah ke Indonesia pula," ceritanya. Khabarnya juga, Kak Nita dan suaminya, Mohd Mahathir Abdullah, akan ke Las Vegas pula untuk meninjau rumah dan harta benda mereka di sana.

Al-maklum, panggilan antarabangsa, teman pun tak mahulah menyibuk banyak dengan Kak Nita. Sebelum mengakhiri perbualan singkat itu, dia sempat meminta teman agar menyampaikan salam sayangnya kepada semua peminat di Malaysia.

"Jangan risau, kalau ada umur panjang, Kak Nita akan ke sana lagi. Kirim salam pada semua peminat Kak Nita. Insya-Allah kita jumpa lagi. Kak Nita sayang semua..." katanya.

Teman teringat cerita kawan teman, Siti, yang bagaikan tak percaya apabila Anita sanggup memanggilnya dari Las Vegas, semata-mata untuk mengucapkan selamat hari jadi kepadanya.

"Hello Siti. Kak Nita ni."

"Nita mana?" tanya Siti lewa tak lewa.

"Anita Sarawak," kata Kak Nita.

"Jangan main-mainlah. Anita mana ni?" tanya Siti lagi kerana beranggapan ada yang mahu mempermainkannya. Maklumlah, semua kawan Siti tahu bahawa dia pernah berpeluang ke rumah Anita ketika berada di Las Vegas. Tetapi setelah diamati suara serak-serak basahanya itu, tahulah Siti bahawa sahlah yang memanggilnya itu adalah Anita Sarawak sendiri.

Dalam sidang media selepas konsertnya pun, Anita terperanjat apabila melihat wajah Siti terselit di antara wartawan lain.

"Eh... Siti," kata Anita yang begitu gembira sebaik saja melihat wajah orang yang bertanyakan soalan kepadanya. Begitu juga reaksi Anita apabila ternampak wajah Roslen Fadzil (Penolong Pengarang Hiburan Berita Harian) dan Shuib Taib, wartawan New Straits Times.

Begitulah kisah seorang penghibur kita yang sering meletakkan egonya di dalam poket. Barangkali itulah juga antara rahsia kejayaan Anita selama

ini. Bercakap mengenai panggilan telefon ni, teman teringat juga penyanyi evergreen kita, Sharifah Aini. Dulu rajin juga dia menelefon teman, dan mengajak ke rumahnya yang tersergam indah itu.

Kali terakhir teman bersama Sharifah Aini ialah ketika berpeluang mendengar beberapa lagu daripada album terbarunya yang masih dalam pembikinan. Memang asyik dengar suara Kak Pah kita tu... Ada juga teman berusaha menelefonnya dan menghantar SMS, tetapi tiada response pula. Rindu juga teman pada Kak Pah terutama ketawa manjanya itu. Tentu dah tinggi pohon bongsai yang ditanam di taman rumahnya itu.

- hanizam@bharian.com.my

(END)